

16/03/2003

Souq tarikan utama kota Doha

Kadir Dikoh

"ANDA orang Filipino?" tanya seorang peniaga di bandar raya Doha.

Apabila

diberitahu bahawa saya dari Malaysia, dia terpegun. "Anda tentu orang kaya," katanya merujuk kepada Malaysia yang dikenali sebagai antara negara

membangun termaju dan kemakmuran hidup rakyat kita.

Peniaga itu kemudian melonggokkan kain sutera China dan Korea dari rak kain dengan memberi harga istimewa 35 riyal semeter (lebih kurang sama dengan RM35).

"Sebulan lalu saya menjualnya 60 riyal dan sekarang 40 riyal. Saya kagum

dengan Malaysia dan Perdana Menteri anda, nah ambil harga istimewa 35 riyal untuk anda atau 140 riyal sepasang (empat meter)," katanya.

Harganya bukan saja separuh harga bagi jenis kain sama di Malaysia, malah coraknya pula menarik, kelihatan basah serta nipis dan yang belum ada di Kuala Lumpur. Ia juga menjual pelbagai jenis kain untuk sut yang bermutu tinggi seperti Super 100, 120 atau 150 selain sari dari India. Doha mungkin boleh dianggap sebagai syurga beli-belah kedua selepas Dubai

di Asia Barat.

Di kalangan peniaga Doha, Malaysia memang istimewa tapi pihak pentadbiran Qatar dikatakan kurang senang dengan Malaysia setelah kita mencadangkan mesyuarat tergepar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Sidang itu kemudian dinamakan sebagai mesyuarat tidak rasmi OIC yang diadakan sehari selepas selesai Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) ke-13.

Sidang Kemuncak Tergepar OIC diadakan di Doha 5 Mac lalu. Mungkin masih

kecewa dengan Kuala Lumpur, media Qatar sama ada elektronik atau cetak, tidak menyiarkan gambar serta berita ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada sidang itu.

Qatar sebenarnya negara terkaya di muka bumi dengan sumber minyak dan gas. Rizab komoditi itu dikatakan boleh membekal minyak untuk seluruh rakyat Amerika Syarikat bagi tempoh 100 tahun.

Tidak hairanlah Emir Qatar, Shaikh Hamad Khalifa Al-Thani bermurah hati

kepada semua perwakilan termasuk dari Malaysia, untuk duduk serta makan percuma di hotel Ritz Carlton, Marriot dan Oasis sepanjang sidang itu.

Qatar mempunyai penduduk 600,000 orang dan 70 peratus daripadanya orang

asing. Perniagaan di bandar raya terutama di Souq (bazar) dikuasai orang India, Pakistan, Bangladesh dan sejumlah rakyat Filipina.

Selain keunikan budaya dan ragam yang dibawa rakyat asing, Qatar yang bersempadandengan Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu, tidak mempunyai mempunyai keistimewaan khusus. Doha cuma enam jam melalui jalan darat ke Jeddah.

Pada cuti umum hari Jumaat, Doha Corniche berhampiran pusat bandar menjadi tumpuan orang ramai kerana di situ menempatkan taman permainan

manakala tidak jauh dari situ, pengunjung boleh menaiki bot ke Palm Tree Island.

Sebagai sebuah semenanjung di Teluk Arab, Qatar turut mempunyai pantai berpasir yang cantik manakala peminat golf berpeluang bermain di Kelab Golf Doha yang pernah menjadi tempat beberapa pertandingan peringkat antarabangsa.

Cuaca tidak panas sepanjang tahun. Bagaimanapun, Qatar mencatat peristiwa hitam pada 1995 apabila Amir sekarang, Sheikh Hamad Khalifa Al-

Thani menggulingkan ayahnya sendiri, Sheikh Khalifa Hamad Al-Thani, dalam

satu rampasan kuasa tidak berdarah tetapi kedua-dua beranak itu berbaik semula kira-kira dua tahun selepas itu.

Bandar raya Doha memang bersih dan cantik kerana kebanyakan bangunannya

rendah kecuali bangunan hotel, tetapi sektor perkhidmatannya tidak menyenangkan. Kerap kali kita akan terserempak dengan orang Arab yang bertengkar sesama sendiri daripada soal teksi, sesama pemandu kereta, pekerja hotel atau di pusat belah-belah.

Pusat belah-belah berselerak di merata tempat di souq seperti Doha Souq, Souq Faleh, Souq Al Ahmad, Souq Nasser bin Saif. Selain kain, souqnya menjual jubah Arab atau abaya untuk wanita. Di Doha, sukar untuk melihat rakyat Malaysia tetapi ramai warga Filipina sehingga ada Filipino Bakery di Soud Faleh. Souq ini dibuka untuk perniagaan dari jam 7 pagi hingga 12.30 tengah tetapi ditutup untuk waktu makan sebelum dibuka semula pada jam 4 petang.

Hari Khamis dan Jumaat adalah hari tidak bekerja di Qatar. Memang agak pelik apabila kedai ditutup untuk makan tengah hari atau waktu sembahyang

termasuk kedai milik bukan Islam terutama dari India.